

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW
KAWASAN : SIBU
TARIKH : 02 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN NO. 16

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan mengapa JKR mengupah bekas pekerja LBU sebagai pekerja kontrak untuk mengendalikan projek Pan Borneo Highway. Nyatakan bilangan orang yang diupah secara kontrak ini dan jumlah tambahan kos.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Perikatan Nasional akan tetap menghormati keputusan Kerajaan terdahulu untuk mengubah kaedah pelaksanaan projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak dengan menamatkan Perjanjian Rakan Pelaksana Projek (*Project Delivery Partner Agreement* – PDPA). Walau bagaimanapun, perubahan model pelaksanaan tersebut telah memberi kesan ke atas pelaksanaan projek khususnya dalam pengurusan dan pentadbiran projek.

Selaras dengan inisiatif Kerajaan bagi menambah baik kaedah pelaksanaan yang telah diputuskan sebelum ini, pengambilan kakitangan secara kontrak seramai 68 jawatan dengan anggaran kos berjumlah RM51 juta telah dilaksanakan bagi Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak oleh JKR Sarawak yang ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Pengambilan kakitangan kontrak tersebut adalah terbuka berdasarkan kriteria dan kelayakan yang ditetapkan dan tidak terhad kepada kakitangan-kakitangan PDP terdahulu.

Hasil daripada pengambilan kakitangan kontrak tersebut termasuk sebahagian bekas kakitangan-kakitangan dan perunding lantikan PDP yang berpengalaman dari awal dalam pelaksanaan projek, kapasiti dan organisasi pentadbiran projek JKR Sarawak sedia ada dapat ditambah baik bagi memastikan kelancaran dan kelangsungan Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak.

Sekian, terima kasih.